

LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN

UTeM



UTeM

TAHUN

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2009



(semakan semula kandungan agar komprehensif dan tepat)
LAPORAN TAHUNAN 2009

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LATARBELAKANG

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berpindah ke bangunan baru di Kampus Induk, Durian Tunggal pada awal Julai tahun 2009. Bangunan baru perpustakaan ini berkapasiti 700 orang pada satu-satu masa dengan keluasan lantai 10,000 meter persegi.

Bangunan baru tiga tingkat ini menempatkan ruang pengguna di tingkat 1, tingkat 2 dan tingkat 3. Manakala ruang staf adalah di tingkat bawah bagi unit-unit pemprosesan iaitu Unit Perolehan (buku/jurnal/hadiah&terimaan) dan Unit Pengindeksan, tingkat satu sebagai ruang utama dengan menempatkan kaunter perkhidmatan pengguna bersama ruang Unit Sirkulasi/Media dan Unit Rujukan. Tingkat dua menempatkan pejabat pentadbiran perpustakaan bersama Unit Automasi.

Bangunan baru perpustakaan ini, adalah gabungan daripada Perpustakaan UTeM di Kampus Industri dan Perpustakaan Cawangan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Proses perpindahan ke bangunan baru ini bermula pada 8 Julai 2009 manakala operasi perkhidmatan dan kemudahan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga 19 Ogos 2009. Kemudian Perpustakaan Cawangan FKEKK telah ditutup pada 1 September 2009 dan berpindah ke bangunan baru. Pada September 2009, perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan UTeM di bangunan baru telah beroperasi sepenuhnya.

Perpustakaan UTeM cuma mempunyai satu perpustakaan cawangan iaitu di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah, Melaka.


TUMPUAN PENTING

i. KOLEKSI

Perpustakaan meneruskan usaha untuk mengukuhkan koleksinya melalui pembelian, hadiah dan pertukaran dengan berfokus kepada *niche area* universiti iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat (IT) dan keusahawanan. Sehingga akhir tahun 2009, jumlah koleksi bahan di perpustakaan ialah 104,348 judul iaitu 53,015 judul bahan bercetak dan 51,333 judul bahan *online* dalam pangkalan data. Bahan-bahan koleksi perpustakaan adalah seperti buku, majalah, tesis, projek sarjana muda serta e-buku dan e-jurnal dalam pangkalan data selain CD-Rom.

Sebanyak 11,010 judul/12,271 naskah bahan telah diperolehi pada tahun 2009, berbanding 9,598 judul/10,689 naskah pada tahun 2008.

Berikut adalah jumlah pecahan koleksi Perpustakaan UTeM bagi tahun 2008 dan 2009 seperti tercatat pada gambarajah di bawah:



Petunjuk.

- i. Monograf
- ii. Jurnal
- iii. Pangkalan data
- iv. Bahan Media
- v. Bahan Digital

belian, hadiah atau pertukaran dalam bentuk buku, kertas kerja, kertas soalan, teks ucapan, tesis, PJP & PSM.
 majalah yang dilanggan atau dihadiah.
 pelbagai pangkalan data termasuk e-Buku dan e-Jurnal.
 semua bahan dalam bentuk slaid atau kaset yang dibeli/hadiah/iringan
 semua bahan dalam bentuk CD dan DVD yang dibeli/hadiah/iringan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Perpustakaan juga telah melanggan tiga judul baru Pangkalan Data Luar Negara pada tahun 2009 berbanding satu judul baru Pangkalan Data Dalam Negara dan tiga judul baru Pangkalan Data Luar pada tahun 2008.

Pangkalan data yang dibeli pada tahun 2009 ialah Begel House (e-Journal), Morgan & Claypool (e-Book) dan Turnitin. Tahun 2009 juga menyaksikan para pengguna boleh mengakses dua pangkalan data yang dihadiahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Perpustakaan, sejak tahun 2008 iaitu BERNAMA Library & Infolink Service (BLIS) dan Ebscohost.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan Pangkalan Data yang boleh diakses melalui Perpustakaan ini adalah sebanyak 29 Pangkalan Data iaitu 10 e-Journal dan empat e-Books serta 13 lain-lain Pangkalan Data, seperti dinyatakan pada jadual di bawah.

Pangkalan Data Tempatan (Langganan)

Bil.	Pangkalan Data	Akses	Bidang/Perkara
1.	LawNet	Perlu dapat user ID dan Password dari Perpustakaan	Undang-Undang Malaysia
2.	Malaysia Standard Online	Teks Penuh	Pelbagai standard yang terdapat di Malaysia
3.	NSTP e-Media	Perlu dapat user ID dan Password dari Perpustakaan	Berita terbitan kumpulan NSTP yang telah diarkibkan sejak tahun 1991
4.	SIRIMLink	Teks Penuh	Maklumat terkini dari SIRIM Berhada yang meliputi subjek seperti piawaian, paten, abstrak, dari artikel, direktori pakar dalam bidang sains dan teknologi di Malaysia.

Pangkalan Data Luar Negara (Langganan)

Bil	Pangkalan Data	Akses	Bidang/Perkara
1.	ACM Digital Library	Abstrak/ Teks Penuh	e-Jurnal Artikel-artikel terbitan Association for Computing Machinery (ACM) meliputi bidang computer dan sains computer.
2.	ASME online Journal.	Abstrak/ Teks Penuh	e-Jurnal Pendidikan teknikal dan penyelidikan kejuruteraan mekanikal dan pelbagai disiplin kejuruteraan.
3.	Begell House (2009)	Abstrak/ Teks Penuh	e-Jurnal Koleksi penyelidikan kejuruteraan
4.	British Standard Online (BSOL)	Terhad kepada seorang pengguna pada satu-satu masa	Maklumat mengenai pelbagai standard yang terdapat di United Kingdom
5.	Directory of Open Acces Journal (DOAJ)	Abstrak dan Teks Penuh	Sains dan jurnal terpilih.
6.	Ebrary	Abstrak dan Teks Penuh	e-Buku Kejuruteraan & teknologi, kumputer & teknologi maklumat, sains, sains sosial, pendidikan, pengurusan, pemasaran, ekonomi dan lain-lain.
7.	Emerald Management Plus.	Abstrak dan Teks Penuh	e-Jurnal Pengurusan, pengurusan sumber manusia, pengurusan perpustakaan dan maklumat, kejuruteraan, sains gunaan dan teknologi.
8.	Engineering Village	Abstrak sahaja	Sains gunaan dan kejuruteraan.
9.	EngNetBase	Abstrak/ Teks Penuh	e-Buku. Diterbitkan oleh CRC Press dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Telekomunikasi
10.	Wilson Web	Abstrak/ Teks Penuh	Sains am, Sains Gunaan dan Teknologi.
11.	Institute of Physics Electronics Journals (IOP)	Abstrak/teks penuh	e-Jurnal Fizik dan penyelidikan dalam bidang sains.

12.	Key-to-METEL Steel	Teks penuh	Steel standard
13.	Knovel Essential	Teks penuh	Sains dan kejuruteraan
14.	MASTICLink	Abstrak/Teks Penuh	Sains dan Teknologi
15.	Mc Graw-Hill's Access Engineering	Abstrak/Teks Penuh	e-Buku bidang Kejuruteraan
16.	Morgan & Claypool (2009)	Abstrak/Teks Penuh	e-Buku bidang Biomedical engineering, computational electromagnetics, computer & information science and general engineering.
17.	ScienceDirect	Abstrak/Teks Penuh	e-Jurnal Sains komputer, Kejuruteraan, perakaunan dan perniagaan.
18.	Scopus	Abstrak	Abstrak daripada hasil penyelidikan
19.	Society for Industrial and Applied Mathematic (SIAM)	Abstrak/Teks Penuh	e-Jurnal Matematik, sains dan teknologi.
20.	ITS Marc	Bibliography Organization	Cataloging tools for Librarian Catalogers
21.	Turnitin (2009)		Plagiarism prevention to help educators anda student take full advantage of the internet's educational potential.

Pangkalan Data yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Bil	Pangkalan Data	Akses	Bidang/Perkara
1.	BERNAMA Library & Infolink Services (BLIS)	Teks Penuh	Maklumat dan berita semasa mengenai Malaysia.
2.	EBSCOHost	Akstrak/ teks penuh	Sains sosial, sains am, pendidikan, pengurusan, ekonomi dan perakaunan.
3.	IEEE Explore	Akstrak/ teks penuh	Kejuruteraan daripada Institute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE) dan Institute of Electrical Engineers (IEE).
4.	ProQuest Dissertation & Theses	Abstrak/ Teks Penuh	Penyelidikan, e-Tesis

Pangkalan Data yang dibangunkan oleh Persidangan Perpustakaan-perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN)

Bil	Pangkalan Data	Akses	Bidang/Perkara
1.	Malaysian Theses Online (MyTO)	Abstrak sahaja	Tesis dari seluruh Universiti Awam dan Swasta (UNITEN, UTP, MMU, OUM)
2.	Malaysian Universities Repository Collection (MUTC)	Teks penuh	Bahan rujukan yang terpilih dari Universiti Awam dan Swasta (MMU, OUM)
3.	Malaysian Union List of Series (UMyULIS)	Abstraks/Teks Penuh	Jurnal, majalah dan pangkalan data atas talian yang dilanggan oleh Perpustakaan Akademik dan Swasta di Malaysia.

ii. TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tahun 2009, Perpustakaan masih menggunakan lagi sistem perpustakaan *Integrated Library Management Utility (ILMU)*, yang telah digunakan sejak tahun 2005. Melalui sistem ini, segala urusan peminjaman dan pemulangan bahan di kaunter, pembaharuan tarikh pulang dan tempahan bahan dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan cekap.

Sebagai langkah keselamatan dan kemudahan pengguna, Perpustakaan mengguna sistem Radio Frequency Identification (RFID) dengan piawaian ISO dan menampal tag RFID pada bahan-bahan perpustakaan. Pada tahun ini, perpustakaan telah menggunakan khidmat EzProxy iaitu sistem yang bertindak sebagai pangantara bagi membolehkan pengguna yang berada di luar dari domain UTeM, menggunakan database online UTeM.

Tahun ini, menyaksikan beberapa permasalahan kerana kerja-kerja perpindahan perpustakaan ke bangunan baru di Kampus Induk. Namun permasalahan itu telah dapat diatasi dengan kerjasama semua pihak terutamanya Pusat Komputer dan Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset. Para pengguna laman web Perpustakaan UTeM kini boleh akses pelbagai maklumat melalui portal perpustakaan. Maklumat itu ialah pangkalan data, akbar harian dalam negeri dan luar negara, enjin pencari, kertas peperiksaan, kertas seminar, ucapan Naib Canselor, tesis dan projek sarjana muda.

iii. PERKHIDMATAN

Usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan Perpustakaan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan. Di bangunan baru ini disediakan dua bilik seminar, dua bilik tayangan, tiga ruang perbincangan, bilik karel dan bilik pandang dengar serta ruang pengguna komputer terbuka, bilik pangkalan data dan ruang WebOPAC.

Kapasiti kemudahan itu adalah seperti berikut:

- Komputer di ruang terbuka (28 biji),
- Bilik pangkalan data (48 biji komputer),
- Ruang komputer Web OPAC (14 biji),
- Dua bilik seminar (32 kerusi bagi setiap bilik),
- Dua bilik tayangan masing-masing dengan kapasiti 18 kerusi dan 32 kerusi,
- Bilik pandang dengar (10 bilik), dan
- Bilik karel (20 bilik).

Pada tahun ini jumlah keahlian Perpustakaan adalah seramai 14,665 orang berbanding 11,968 orang pada 2008. Bagaimanapun, bilangan pengguna yang mengunjungi Perpustakaan menyusut kira-kira 18 peratus, iaitu dari 122,806 orang pada tahun 2008 kepada 101,964 orang pada tahun ini.

Dalam hubungan ini, jumlah pengguna yang meminjam bahan koleksi perpustakaan juga susut iaitu kira-kira 20 peratus. Sepanjang tahun ini, sebanyak 30,260 naskah

bahan Perpustakaan telah dipinjam oleh pengguna berbanding 55,024 naskah pada tahun sebelumnya (2008).

Perkara	Tahun 2008	Tahun 2009
Keahlian perpustakaan	11,968 orang	14,665 orang
Pengunjung	122,806 orang	101,964 orang
Pinjaman bahan	55,024 naskah	30,260 naskah
Penggunaan ruang/bahan media	4,230 pengguna	4,715 pengguna

Statistik pengguna di perpustakaan

Penyusutan perangkaan ini adalah ekoran perpindahan perpustakaan dari Kampus Industri ke bangunan baharu di Kampus Induk pada bulan Julai. Namun operasi tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana masalah *networking* dan hanya beroperasi sepenuhnya pada pertengahan Ogos 2009.

Sepanjang proses perpindahan pada Julai hingga perpustakaan dapat beroperasi sepenuhnya pada pertengahan Ogos, perpustakaan di bangunan baru dibuka pada waktu pejabat sahaja ialah dari pukul 8 pagi hingga 5 petang. Manakala Perpustakaan cawangan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah dilanjutkan operasinya sehingga pukul 11 malam. Ini dilaksanakan bagi membolehkan para pengguna menggunakan khidmat yang disediakan. Manakala buku-buku yang terdapat di bangunan baru masih boleh dipinjam tetapi dilaksanakan secara manual iaitu, pengguna memberikan nombor indeks dan pihak perpustakaan akan memproses pinjaman sebelum pengguna mengambilnya di Perpustakaan Cawangan di FKEKK.

Namun jumlah pengguna yang menggunakan ruang dan kemudahan media telah meningkat kira-kira 10 peratus iaitu dari 4,230 pengguna pada tahun 2008 meningkat kepada 4,715 pengguna pada tahun ini.

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna dalam menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan, Perpustakaan juga telah menyediakan khidmat rujukan dan nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP). Perkhidmatan ini juga untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat atau bahan-bahan yang berada dalam dan luar Perpustakaan UTeM.

Perpustakaan turut mengadakan kelas pendidikan pengguna (KPP) iaitu kelas kemahiran untuk pelajar-pelajar tahun pertama dan tahun akhir serta pegawai dan pembantu penyelidik dalam mengoptimumkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan.

Perpustakaan juga berusaha menjadikan portal perpustakaan sebagai 'one stop centre' yang dapat memberikan maklumat yang terkini kepada pengguna. Sepanjang tahun ini, sebanyak 187,890 pengguna telah *log in* portal perpustakaan UTeM. Angka ini meningkat kira-kira 15 peratus berbanding 170,973 orang pada tahun 2008.

SUMBER MANUSIA

Sehingga akhir tahun ini, perpustakaan mempunyai 67 orang staf dengan pembahagian empat orang staf di Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar dan 63 orang staf di Perpustakaan Kampus Induk.

Kategori perjawatan staf berkenaan adalah seperti di bawah :

JAWATAN	Tambahan BIL 2008	BIL. 2009
i. Ketua Pustakawan		1
ii. Timbalan Ketua Pustakawan		1
iii. Pustakawan Kanan		3
iv. Pustakawan	7	12
v. Penolong Pendaftar		1
vi. Penolong Pegawai Perpustakaan	3	3
vii. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	1	2
viii. Pembantu Tadbir (P/O)		2
ix. Pembantu Tadbir (Kewangan)	1	1
x. Pembantu Perpustakaan Kanan	3	4
xi. Pembantu Perpustakaan	12	32
xii. Juruteknik		1
xiii. Jurutaip		1
xiv. Pembantu Am Pejabat		3
JUMLAH	25	67

